

01 NOV 2003

Mahathir-Cuti (Bergambar)

DR MAHATHIR BERCUTI DUA MINGGU DI LUAR NEGARA

SUBANG, 1 Nov (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali berlepas ke luar negara hari ini untuk bercuti selepas meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri semalam.

Mereka menaiki pesawat eksekutif Petronas menuju ke Sepanyol yang berlepas dari pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini pukul 9.20 pagi.

Dr Mahathir akan bercuti selama dua minggu, menurut seorang bekas pegawainya.

Selain anggota keluarga dan bekas pegawainya, turut berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat bercuti kepada Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk M.Kayveas.

Dr Mahathir menerima darjah kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N), anugerah tertinggi negara yang membawa gelaran Tun, daripada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara semalam.

Dr Siti Hasmah, pula menerima anugerah Seri Setia Mahkota Malaysia (S.S.M), yang juga membawa gelaran Tun.

Upacara itu diadakan sejurus selepas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima setelah Dr Mahathir melepaskan jawatan itu yang dipegangnya selama 22 tahun.

-- BERNAMA

AT AZZ BK